



**TAWARAN PENAJAAN  
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA)  
BAGI MENGIKUTI PENGAJIAN PERINGKAT SARJANA DI BAWAH  
PROGRAM IJAZAH LANJUTAN  
TAHUN 2024**

## 1. PENGENALAN

Permohonan adalah dipelawa kepada pelajar cemerlang lepasan Ijazah Pertama tajaan JPA untuk menyambung pengajian ke peringkat Sarjana dalam pelbagai bidang di universiti yang telah dikenal pasti oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dalam bentuk Pinjaman Boleh Ubah (PBU).

## 2. SYARAT PERMOHONAN

Calon-calon mestilah memenuhi syarat umum dan syarat khusus permohonan seperti berikut:

### 2.1 Syarat Umum Calon

- (i) Warganegara Malaysia berumur **tidak lebih 26 tahun pada tahun permohonan**;
- (ii) Pelajar merupakan pelajar tajaan JPA semasa peringkat Ijazah Pertama;
- (iii) Pelajar yang layak memohon adalah **pelajar tajaan JPA yang telah menamatkan pengajian peringkat Ijazah Pertama pada tahun 2023 dan 2024 hingga tarikh tutup permohonan**. Ia bertujuan untuk memberi ruang kepada pelajar untuk mendapatkan tempat pengajian pada peringkat Sarjana;

- (iv) Pelajar telah **mendapat tawaran bersyarat / tanpa syarat daripada universiti dan mengikuti pengajian secara sepenuh masa;**
- (v) Pelajar yang **telah memulakan pengajian** perlu mempunyai baki tempoh pengajian sekurang-kurangnya 9 bulan;
- (vi) Mempunyai kesihatan yang baik iaitu bebas daripada sebarang penyakit kronik serta disahkan sihat untuk meneruskan pengajian (senarai penyakit kronik di **LAMPIRAN 3**);
- (vii) Ibu dan / atau bapa **tidak di senarai hitam oleh JPA** atau sedang dalam tindakan undang-undang oleh JPA;
- (viii) Tidak menerima bantuan kewangan / tajaan dari mana-mana pihak di peringkat pengajian yang sama;
- (ix) Pelajar mestilah **telah menamatkan pengajian dalam masa yang ditetapkan dan tidak pernah membuat sebarang pelanjutan bagi pengajian semasa di peringkat Ijazah Pertama;**
- (x) Pelajar semasa memohon dan sepanjang tempoh penajaan mestilah tidak terikat dengan kontrak perkhidmatan sama ada secara tetap atau kontrak atau sambilan di agensi awam termasuk badan berkanun, pihak berkuasa tempatan atau mana-mana agensi swasta supaya pelajar dapat memberi tumpuan sepenuhnya dalam melaksanakan tugasnya sebagai seorang pelajar. Obligasi ikatan kontrak berkhidmat bagi penajaan JPA yang diterima terdahulu hendaklah diuruskan sewajarnya berdasarkan dasar-dasar penajaan yang berkuat kuasa;
- (xi) **Program Ijazah Sarjana yang dimohon bukanlah program yang dinilai taraf setaraf dengan Ijazah Sarjana Muda bagi tujuan pelantikan ke dalam Perkhidmatan Awam.** Sebagai contoh, Kerajaan telah menetapkan bahawa kelayakan *Master of Engineering*

- (M.Eng) dari universiti-universiti di United Kingdom hanya layak digunakan untuk tujuan pelantikan ke jawatan yang mensyaratkan kelayakan masuk di peringkat Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan atau RIBA Part II bagi pengajian seni bina yang mana ia hanya diiktiraf setaraf Ijazah Sarjana Muda Seni Bina sahaja;
- (xii) Pelajar perlu memulakan pengajian **sebelum atau pada 31 Disember 2024**; dan
- (xiii) Bagi tujuan melanjutkan pengajian ke peringkat lanjutan/ yang lebih tinggi, pelajar tajaan biasiswa perlu memohon penggantungan kontrak berkhidmat manakala pelajar tajaan Pinjaman Boleh Ubah perlu memohon penangguhan bayaran balik pinjaman. Tempoh penggantungan kontrak/ penangguhan bayaran balik pinjaman yang akan dipertimbangkan adalah mengikut tempoh asal pengajian.

## 2.2 Syarat Khusus Calon

Kelayakan minimum akademik permohonan adalah seperti berikut:

- (i) Memperoleh **Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) minimum 3.50 atau setara** pada pengajian **peringkat Ijazah Pertama dalam Negara atau luar Negara**; atau
- (ii) Bagi negara **United Kingdom, Australia, New Zealand dan Jepun**, kelayakan akademik minimum di peringkat Ijazah Pertama adalah seperti berikut:

UNITED KINGDOM	AUSTRALIA / NEW ZEALAND	JEPUN
70% & ke atas	85% & ke atas	85% A+B (50%A)*

\*85% A+B – Jumlah gred A dan B yang diperoleh adalah sekurang-kurangnya 85% dan 50% daripada jumlah tersebut perlu mendapat gred A.

### **3. INSTITUSI PENGAJIAN**

Penajaan akan dipertimbangkan bagi pemohon yang mendapat tempat pengajian di universiti luar negara yang tersenarai di kedudukan 100 teratas QS World University Ranking Tahun 2024 seperti di **LAMPIRAN 1**.

### **4. INSTITUSI PENGAJIAN**

4.1 Perincian bidang pengajian yang ditaja adalah seperti di **LAMPIRAN 2**.

4.2 **Bidang pengajian perubatan, pergigian, farmasi, pendidikan, kejururawatan, kursus yang mewajibkan pelajar mengambil lesen seperti lesen penerbangan dan kursus profesional seperti ACCA dan Certificate in Legal Practice (CLP) adalah tidak ditaja.**

### **5. MEKANISME PERJANJIAN PINJAMAN**

Pelajar-pelajar yang berjaya ditawarkan penajaan di bawah program ini dan bersetuju untuk ditaja oleh JPA adalah tertakluk kepada terma ikatan perjanjian JPA seperti berikut:

- (a) Pinjaman akan **ditukar kepada basiswa** dan dikecualikan daripada bayaran balik sekiranya pelajar berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam; atau
- (b) **Bayaran balik sebanyak 25%** daripada jumlah pinjaman yang diterima sekiranya pelajar berkhidmat dalam syarikat berkaitan Kerajaan (GLC); atau
- (c) **Bayaran balik sebanyak 50%** daripada jumlah pinjaman yang diterima sekiranya pelajar berkhidmat dengan syarikat swasta dalam negara; atau
- (d) Selain daripada keadaan seperti di atas, pelajar dikehendaki membayar **balik sepenuhnya nilai pinjaman**.

## **6. CARA MEMOHON**

- 6.1 Tawaran penajaan ini akan disiarkan melalui laman portal penajaan JPA di <https://bmipenajaan.jpa.gov.my/>. Calon boleh merujuk syarat permohonan, maklumat program dan *Frequently Asked Questions (FAQ)* yang dimuat naik bagi maklumat lanjut berhubung program yang ditawarkan.
  - 6.2 Permohonan dibuka secara dalam talian di portal penajaan JPA <https://bmipenajaan.jpa.gov.my/> mengikut tarikh dan tempoh yang ditetapkan oleh JPA.
  - 6.3 Calon dibenarkan mendaftar, mengemas kini / meminda maklumat permohonan sebelum tarikh tutup permohonan. Hanya pindaan yang terkini sahaja diambil kira untuk tujuan penyimpanan data.
  - 6.4 Calon hendaklah memastikan proses permohonan telah sempurna dengan mencetak Slip Pengesahan Permohonan Program Ijazah Lanjutan Tahun 2024 sebagai bukti permohonan telah dibuat.
7. Sebarang pertanyaan boleh dibuat dengan menghubungi talian **03-8885 3297** pada setiap hari bekerja mulai jam **9.00 pagi hingga jam 4.30 petang** atau e-melkan kepada **pil2024@jpa.gov.my** (talian dan e-mel ini hanya aktif dalam tempoh permohonan dibuka sahaja).

## **8. STUDENT ASSESSMENT CENTRE (SAC)**

- 8.1 Calon-calon yang memohon program penajaan ini DAN melepas syarat-syarat permohonan yang telah ditetapkan dikehendaki untuk menghadiri sesi *Student Assessment Centre (SAC)* yang dijadualkan pada awal April 2024. Calon boleh menyemak Portal eSILA dari semasa ke semasa untuk mengetahui maklumat mengenai tarikh dan tempat SAC.

8.2 Calon diminta untuk membawa dokumen asal dan satu salinan dokumen yang disahkan semasa menghadiri sesi tersebut (jika berkaitan). Senarai dokumen adalah seperti berikut:

- (i) Kad pengenalan calon;
- (ii) Semua transkrip peperiksaan di peringkat Ijazah Pertama dan Skrol Ijazah Pertama. Transkrip peperiksaan yang menggunakan bahasa asing perlu diterjemahkan dalam Bahasa Inggeris dan disahkan oleh pihak universiti asal atau Institut Terjemahan Negara;
- (iii) Bagi calon yang sedang atau bakal mengikuti pengajian secara penyelidikan, pelajar perlu menyediakan kertas cadangan penyelidikan (*research proposal*) bagi tujuan pembentangan;
- (iv) Selain daripada kaedah pengajian di atas, calon yang sedang / bakal mengikuti pengajian perlu menyediakan *plan of study* yang telah disahkan oleh penyelia untuk rujukan panel; dan
- (v) Surat tawaran tanpa syarat universiti di peringkat Sarjana. Sekiranya tawaran kemasukan adalah tawaran bersyarat, ia mestilah atas sebab pengesahan sumber kewangan sahaja.

## 9. TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Tarikh tutup permohonan adalah pada **7 April 2024 (Ahad) jam 11.59 malam**. Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

## 10. TARIKH-TARIKH PENTING

Aktiviti	Tarikh / Hari
Permohonan dibuka	<b>29 Februari 2024 (Khamis)   10.00 pagi</b>
Permohonan ditutup	<b>7 April 2024 (Ahad)   11.59 malam</b>
<i>Student Assessment Centre (SAC)</i>	<b>Minggu keempat April 2024*</b>
Jangkaan Keputusan	<b>Minggu keempat Mei 2024*</b>

\*Tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa.

## **11. KEPUTUSAN PERMOHONAN**

Keputusan permohonan penajaan Program Ijazah Lanjutan (PIL) ini dijangka akan diumumkan melalui laman sesawang <https://bmipenajaan.jpa.gov.my/> pada **minggu keempat bulan Mei 2024**. Sekiranya pelajar tidak menerima sebarang notifikasi dalam tempoh 90 hari selepas tarikh keputusan, permohonan adalah dianggap tidak berjaya.

## **12. HAK JPA**

- 12.1 Pertimbangan adalah tertakluk kepada peruntukan yang ada serta perubahan dasar Kerajaan dari semasa ke semasa. Pihak Kerajaan tidak terikat untuk meluluskan sebarang permohonan yang diterima walaupun permohonan tersebut memenuhi syarat-syarat dan kriteria yang telah ditetapkan.
- 12.2 JPA berhak untuk membuat sebarang perubahan kepada program penajaan ini pada bila-bila masa termasuk syarat dan kriteria tanpa perlu mengemukakan sebarang notis pemberitahuan terlebih dahulu.
- 12.3 JPA berhak menarik balik tawaran penajaan sekiranya didapati perlu tanpa memberikan sebarang notis terlebih dahulu.

**TAMAT**

**SENARAI UNIVERSITI LUAR NEGARA BAGI  
PROGRAM IJAZAH LANJUTAN TAHUN 2024****SENARAI UNIVERSITI TERBAIK DUNIA***(berdasarkan QS World University Ranking Tahun 2024)*

BIL.	RANK	UNIVERSITI	NEGARA
1.	1	Massachusetts Institute of Technology (MIT)	United States
2.	2	University of Cambridge	United Kingdom
3.	3	University of Oxford	United Kingdom
4.	4	Harvard University	United States
5.	5	Stanford University	United States
6.	6	Imperial College London	United Kingdom
7.	7	ETH Zurich - Swiss Federal Institute of Technology	Switzerland
8.	8	National University of Singapore (NUS)	Singapore
9.	9	UCL	United Kingdom
10.	10	University of California, Berkeley (UCB)	United States
11.	11	University of Chicago	United States
12.	12	University of Pennsylvania	United States
13.	13	Cornell University	United States
14.	14	The University of Melbourne	Australia
15.	15	California Institute of Technology (Caltech)	United States
16.	16	Yale University	United States
17.	=17	Peking University	China (Mainland)
18.	=17	Princeton University	United States
19.	=19	The University of New South Wales (UNSW Sydney)	Australia
20.	=19	The University of Sydney	Australia
21.	21	University of Toronto	Canada
22.	22	The University of Edinburgh	United Kingdom
23.	23	Columbia University	United States
24.	24	Université PSL	France
25.	25	Tsinghua University	China (Mainland)
26.	=26	Nanyang Technological University, Singapore (NTU)	Singapore

BIL.	RANK	UNIVERSITI	NEGARA
27.	=26	The University of Hong Kong	Hong Kong SAR
28.	28	Johns Hopkins University	United States
29.	28	The University of Tokyo	Japan
30.	29	University of California, Los Angeles (UCLA)	United States
31.	30	McGill University	Canada
32.	32	The University of Manchester	United Kingdom
33.	33	University of Michigan-Ann Arbor	United States
34.	=34	The Australian National University	Australia
35.	=34	University of British Columbia	Canada
36.	36	EPFL	Switzerland
37.	37	Technical University of Munich	Germany
38.	=38	Institut Polytechnique de Paris	France
39.	=38	New York University (NYU)	United States
40.	40	King's College London	United Kingdom
41.	41	Seoul National University	South Korea
42.	42	Monash University	Australia
43.	43	The University of Queensland	Australia
44.	=44	Zhejiang University	China (Mainland)
45.	45	The London School of Economics and Political Science (LSE)	United Kingdom
46.	46	Kyoto University	Japan
47.	=47	Delft University of Technology	Netherlands
48.	=47	Northwestern University	United States
49.	=47	The Chinese University of Hong Kong (CUHK)	Hong Kong SAR
50.	50	Fudan University	China (Mainland)
51.	51	Shanghai Jiao Tong University	China (Mainland)
52.	52	Carnegie Mellon University	United States
53.	53	University of Amsterdam	Netherlands
54.	54	Ludwig-Maximilians-Universität München	Germany
55.	55	University of Bristol	United Kingdom
56.	56	KAIST - Korea Advanced Institute of Science & Technology	South Korea
57.	57	Duke University	United States
58.	58	University of Texas at Austin	United States
59.	59	Sorbonne University	France

BIL.	RANK	UNIVERSITI	NEGARA
60.	60	The Hong Kong University of Science and Technology	Hong Kong SAR
61.	61	KU Leuven	Belgium
62.	62	University of California, San Diego (UCSD)	United States
63.	63	University of Washington	United States
64.	64	University of Illinois at Urbana-Champaign	United States
65.	=65	The Hong Kong Polytechnic University	Hong Kong SAR
66.	67	The University of Warwick	United Kingdom
67.	68	The University of Auckland	New Zealand
68.	69	National Taiwan University (NTU)	Taiwan
69.	70	City University of Hong Kong	Hong Kong SAR
70.	71	Université Paris-Saclay	France
71.	72	The University of Western Australia	Australia
72.	=73	Brown University	United States
73.	=73	KTH Royal Institute of Technology	Sweden
74.	75	University of Leeds	United Kingdom
75.	=76	University of Glasgow	United Kingdom
76.	=76	Yonsei University	South Korea
77.	78	Durham University	United Kingdom
78.	79	Korea University	South Korea
79.	80	Osaka University	Japan
80.	=81	Trinity College Dublin, The University of Dublin	Ireland
81.	=81	University of Southampton	United Kingdom
82.	83	Pennsylvania State University	United States
83.	84	University of Birmingham	United Kingdom
84.	=85	Lund University	Sweden
85.	=85	Universidade de São Paulo	Brazil
86.	=87	Lomonosov Moscow State University	Russia
87.	=87	Ruprecht-Karls-Universität Heidelberg	Germany
88.	89	The University of Adelaide	Australia
89.	90	University of Technology Sydney	Australia
90.	=91	Tokyo Institute of Technology (Tokyo Tech)	Japan
91.	=91	University of Zurich	Switzerland
92.	=93	Boston University	United States

BIL.	RANK	UNIVERSITI	NEGARA
93.	=93	Universidad Nacional Autónoma de México (UNAM)	Mexico
94.	=95	Universidad de Buenos Aires (UBA)	Argentina
95.	=95	University of St Andrews	United Kingdom
96.	97	Georgia Institute of Technology	United States
97.	98	Freie Universitaet Berlin	Germany
98.	99	Purdue University	United States
99.	=100	Pohang University of Science And Technology (POSTECH)	South Korea
100.	=100	University of Nottingham	United Kingdom

**LAMPIRAN 2**

**BIDANG PENGAJIAN**  
**PROGRAM IJAZAH LANJUTAN TAHUN 2024**

<b>BIL.</b>	<b>BIDANG PENGAJIAN DI BAWAH PIL 2024</b>
1.	Science, Technology; Engineering and Mathematics (STEM)
2.	Ekonomi
3.	Undang-Undang
4.	Kewangan Islam
5.	Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence)
6.	Peralihan Tenaga
7.	Keselamatan dan Persempadanan Negara
8.	Keterjaminan Makanan
9.	Pengurusan Bencana
10.	Keselamatan Siber
11.	Transformasi Digital

## LAMPIRAN 3

### JENIS-JENIS PENYAKIT KRONIK

#### 1. Kanser

Penyakit yang disebabkan oleh ketumbuhan dan penularan sel-sel yang sangat merbahaya dan serangan tisu-tisu dibuktikan dengan *histology* yang jelas. Penyakit ini merangkumi leukemia *lymphoma* dan penyakit *Hodgkin* tetapi tidak termasuk ketumbuhan yang tidak merbahaya dan semua jenis kanser kulit kecuali *malignant melanoma*.

#### 2. Serangan Jantung

Suatu keadaan yang timbul kerana matinya sebahagian daripada otot jantung disebabkan pembekalan darah yang kurang kebahagiaan jantung yang relevan dengan tanda-tanda seperti sakit dada, perubahan ECG dan tahap enzim jantung yang meningkat.

Serangan sakit jantung boleh mengakibatkan perkara-perkara berikut:-

##### 2.1 Penggantian atau Pembaikan Injap Jantung

Prosedur di mana pembedahan jantung terbuka dilakukan untuk mengganti atau memperbaiki injap jantung yang telah rosak.

##### 2.2 Pembedahan Arteri Jantung/Coronary Angioplasty

Prosedur yang melibatkan *coronary artery bypass surgery* dilakukan untuk membetulkan arteri jantung yang tersumbat termasuk *angioplasty*.

##### 2.3 Pembedahan Aorta

Prosedur yang melibatkan bahagian aorta yang sakit dibedah dan digantikan dengan *graft*. Aorta yang terlibat ialah *thoracic* dan *abdominal aorta*.

#### 3. Pulmonary Hypertension

#### 4. Sakit Buah Pinggang Yang Kronik

Penyakit di mana kedua-dua buah pinggang telah gagal dipulihkan dan tidak boleh berfungsi lagi dan memerlukan dialisis renal dan pemindahan renal.

5. Sakit Hati (Liver) Yang Kronik

Tanda-tanda penyakit ialah diserang penyakit jaundice, ascites dan/atau *hepatic encephalopathy*.

6. Fulminant Viral Hepatitis

*Necrosis* hati sepenuh atau sebahagian disebabkan virus hepatitis yang mengakibatkan kegagalan hati selepas ujian fungsi hati dilakukan yang juga menunjukkan *massive parenchymal liver disease* dan juga tanda-tanda *portosystemic encephalopathy*.

7. Kecederaan Di Kepala Disebabkan Kemalangan

Kecederaan kepala disebabkan kemalangan (termasuk kerana diserang) mengakibatkan trauma kepala teruk dengan *neurological deficit* yang juga boleh mengakibatkan kematian bila pertama kali dimasukkan ke wad kecemasan, atau walaupun selamat, pesakit mengalami kecederaan kepala yang kekal atau lumpuh. Pengesahan pakar saraf atau pakar bedah saraf mestilah diperoleh.

8. Tumor dan Kecacatan Pembuluh Darah di Otak

Pengesahan mestilah diperoleh daripada pakar saraf atau pakar bedah saraf.

9. Melepuh dan Melecur Kerana Kebakaran

*Third degree burns* yang meliputi 40% daripada anggota yang boleh mengakibatkan kepada kematian apabila pertama kali dimasukkan ke hospital atau mengakibatkan kecacatan fungsi atau kecacatan kosmetik yang memerlukan pembedahan membaik pulih.

10. Pemindahan Organ Utama

Pemindahan organ seperti buah penggang, hati jantung, paru-paru, pankreas dan tulang som-som.

11. Penyakit Parkinson

12. Penyakit HIV dan AIDS

13. Pemindahan Kaki dan/atau Tangan

Ini tidak merupakan penyakit dalam erti kata sebenar. Namun begitu kecederaan dan ketidak sempurnaan disebabkan penyakit atau kemalangan boleh mengakibatkan salah satu daripada anggota tangan di

sebelah atas termasuk kaki dan sendi pinggul terpaksa dipotong. Pemotongan kecil jejari kaki atau tangan tidak layak diberi potongan cukai di bawah peruntukan ini.

14. Chronic Skin Disease: Psoriasis, Phempigus, Steven-Johnson Syndrome
15. Mental Illness: Bipolar Disorders, Schizophrenia, Major Depression
16. Endocrine Disease: Diabetes Mellitus With Complications
17. Rheumatology: Rhemathoid Arthritis, Systemic Lupus Erythemathousus (SLE), Scleroderma, Mixed Connective Tissue Disorder, Ankylosing Spondylitis, Chronic Topacus Gout
18. Tallasemia Major